

NO. SOALAN : 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

RUJUKAN : 10659

SOALAN:

Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah nama judul buku dan penerbitan yang telah diwartakan Perintah Larangan dan berapakah jumlahnya sejak tahun 1981 hingga 2017.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah 1,672 tajuk penerbitan telah dikenakan Perintah Larangan dari tahun 1981 hingga tahun 2017. Tajuk-tajuk penerbitan yang telah dikenakan Perintah Larangan boleh disemak menerusi laman web Jabatan Peguam Negara di laman sesawang www.federalgazette.agc.gov.my.

Bahan-bahan penerbitan tersebut telah dikenakan Perintah Larangan antara lain kerana mungkin dalam apa-apa jua cara memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai atau yang berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau yang selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.

Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan mengenakan Perintah Larangan terhadap penerbitan berkenaan bagi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam serta perpaduan dan kesejahteraan rakyat sejajar dengan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.